

# UMS akan bina Eco-Farm dan Pusat Penyelidikan Makanan Ternakan

NST 8.8.16 TI

OLEH MARUTIN ANSIUNG  
(marutin@newsabahtimes.com.my)

KENINGAU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan membina sebuah Eco-Farm dan Pusat Penyelidikan Makanan Ternakan di Apin-Apin kira-kira 18 kilometer dari sini dengan anggara kos lebih kurang RM10 juta.

Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Haji Sairin Haji Karno berkata, kawasan seluas 74 ekar yang akan dibangunkan itu membabitkan 60 ekar untuk ruang inkubasi ternakan tenusu sementara 14 ekar merupakan ruang penyelidikan dan pentadbiran bagi pusat penyelidikan makanan ternakan.

Katanya, usaha UMS membangunkan eco farm dan pusat penyelidikan makanan ternakan berkenaan amat bertepatan sekali dalam menarik lebih ramai pakar dalam bidang pertanian dan sebagainya.

Sairin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Liawan berkata,

"Diharapkan penubuhan pusat ini dapat membantu kerajaan negeri dalam memformulasikan makanan ternakan yang berkhasiat dengan kos yang lebih munasabah serta menggunakan sumber-sumber makanan yang ada disabah" katanya Berucap merasmikan majlis keusahawanan tani dan kesmasyarakatan UMS yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan SMK Apin-Apin dekat sini pada Sabtu.

Sairin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Liawan berkata, kerajaan

negeri juga dibawah Dasar Pertanian Negeri Sabah yang kedua lebih fokus kepada pembangunan "food security" dan "food production".

Beliau berkata, dengan adanya pusat sebegini program keusahawanan ini serta sokongan padu daripada UMS, kerajaan negeri mengharapkan lebih ramai lagi usahawan muda kuhsusnya para belia yang dapat menjadi usahawan berjaya dan ternama dan sererusnya membantu dalam pembangunan industri pertanian di negeri ini

"Industri ternakan di negeri ini mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan, kerana kedudukan sabah yang strategik dan bebas daripada penyakit major yang memberi kelebihan untuk membangunkan industri ternakan." jelasnya lagi.

Sairin berharap peluang ini direbut oleh masyarakat setempat di Pedalaman untuk bekerjasama dan berganding bahu bersama pihak UMS dalam menyediakan masa hadapan yang berkualiti kepada generasi akan datang.

Sementara itu, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan (EDRDEC) merangkap ketua Pusat Kemerlangan Industri ICOE Kluster Pertanian UMS Dr. Bonaventure Boniface berkata, sekiranya kelulusan telah dimeterai di antara pihak UMS dengan pihak industri maka kerja-kerja pembinaannya akan dimulakan bila-bila sahaja.

Katanya, ruang inkubasi ternakan tenusu

berperanan sebagai pusat latihan kepada mahasiswa, para graduan dan usahawan muda agar dapat mendalami ilmu ternakan tenusu secara praktikal selain berperanan dalam menjalankan formulasi makanan ternakan berasas sumber tempatan pada kos yang lebih murah dan mapan.

Jelasnya, melalui pembinaan pusat ini, pihak UMS juga mempunyai rancangan untuk menjadikan kawasan Pedalaman sebagai pusat eko-pelancongan pendidikan pada masa sama memberi impak ekonomi yang baik kepada masyarakat setempat.

Pada masa sama, para penduduk setempat di sekitar kampung Apin-Apin menyambut baik usaha pihak UMS dalam membina eco farm dan pusat penyelidikan berkenaan.

Bagi Pengurus JKk Kg. Migitom Baru, Apin-Apin Rosmi Jamisin 39, ia amat bertepatan dalam meningkatkan ekonomi penduduk kampung melalui peluang pertanian dan peluang kerjaya di pusat itu nanti.

Manakala bagi, Victor Kumin 38, dari Kg. Linsudan, Apin-Apin, pembangunan seperti ini telah lama dinanti-nantikan penduduk di sini dan ia merupakan satu usaha yang baik UMS.

Katanya, dengan adanya pusat itu nanti ia merubah sosio hidup dan ekonomi sekitar penduduk di sekitarnya.

Hadir sama Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Harun Abdullah, Pengetua SMK Apin-Apin Puan Cheah Chu Tai, Pemimpin Pembangunan Masyarakat Sook Charles Ikang dan penimpin-pemimpin masyarakat.



ROSMI ... ia akan meningkatkan ekonomi penduduk.



VICTOR ... Pengwujudan pusat tersebut telah lama dinanti-nantikan penduduk.



CENDERA KENANGAN ... Sairin menerima cendera kenangan daripada Naib Canselor Dr Harun Abdullah.



KOMPUTER ... Pengetua SMK Apin-apin Puan Cheah Chu Tai menerima sumbangan komputer riba dari UMS yang disampaikan oleh Naib Canselor UMS Dr. Harun.